



TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988 P.U. (A) 244/1996 PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (FEE PUSAT LATIHAN BOMBA) 1996

Tarikh Penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa ditetapkan:

23 Mei 1996
1 Jun 1996

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Mukadimah

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
Peraturan 2. Tafsiran.
Peraturan 3. Fee dan Pembayaran.

JADUAL

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Fee Pusat Latihan Bomba) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1996.

2. Tafsiran.

Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“jabatan Kerajaan” ertinya mana-mana jabatan bagi Kerajaan Persekutuan atau Negeri, selain daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba, dan termasuklah pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri, mahkamah dan tribunal;

“lain-lain” ertinya selain daripada jabatan Kerajaan;

“Pusat Latihan Bomba” ertinya mana-mana pusat latihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba.

3. Fee dan Pembayaran.

Fee yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual hendaklah dikenakan berkenaan dengan perkhidmatan yang ditetapkan dalam ruang (1) dan hendaklah dibayar sepenuhnya terlebih dahulu kepada Pusat Latihan Bomba oleh sesiapa yang baginya perkhidmatan itu diadakan.

JADUAL

(1)		(2)
<i>Perkhidmatan</i>	<i>Jabatan Kerajaan</i>	<i>Fee (RM)</i>
		<i>Lain-lain</i>
1. Kursus dan Latihan:		
(a) pendaftaran	10.00 seorang	10.00 seorang
(b) untuk jangka masa 30 hari atau kurang	40.00 seorang sehari	90.00 seorang sehari
(c) untuk jangka masa lebih daripada 30 hari	30.00 seorang sehari	60.00 seorang sehari
2. Kemudahan yang ditawarkan di Pusat Latihan Bomba:		
(a) asrama		15.00 seorang sehari
(b) bilik kuliah		40.00 seorang sehari
3. Nota Latihan Asas Bomba		120.00

Di buat 2 April 1996.
[KPKT (12) 704/47; PN. (PU²) 471/II.]

DATO' DR. TING CHEW PEH,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan